

# Perhatian berat kerajaan terhadap sebarang penyimpangan pelaksanaannya

• PERTEMUAN PEMUDA UMNO DENGAN MENTERI PELAJARAN

# PELAJARAN: JAMINAN MAHATHIR

10 SEP 1975

**K**UALA LUMPUR. 9 Sept. — Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa pihaknya akan memberi perhatian berat terhadap sebarang penyimpangan pelaksanaan dasar pelajaran.

Oleh  
**YUSOF JALIL**

Beliau selaku Naib-Presiden UMNO Malaysia memberi jaminan ini setelah perkara tersebut ditimbulkan oleh perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO dalam pertemuannya dengan Dr. Mahathir di Ibu Pejabat UMNO Malaysia di sini petang ini.

Bercakap kepada para pemberita selepas pertemuannya itu, Dr. Mahathir berkata perbincangan yang diadakan itu, telah memberi banyak maklumat kepadanya tentang pendirian Pemuda UMNO terhadap pelaksanaan dasar pelajaran negara.

Menteri Besar Selangor, Dato' Haji Harun Idris selalu ketua pergerakan itu mengetuai perwakilan itu dalam pertemuan hampir tiga jam.

Beberapa perkara dibincangkan termasuk masalah kekurangan guru, pelaksanaan pelajaran ilmu hisab di sekolah-sekolah luar bandar, perseimbangan pelajaran, kedudukan Institut Teknologi MARA dan Kolej Tunku Abdul Rahman serta juga peperiksaan di sekolah-sekolah

sendirian bukan aliran kebangsaan.

"Saya telah cuba menerangkan sikap kementerian terhadap masalah-masalah yang dikemukakan itu," katanya.

## Cadangan

Bagaimanapun beliau mengakui tidak dapat meyakinkan wakil-wakil Pemuda UMNO itu mengenai penjelasannya tentang sikap kementerian itu.

Beliau berkata, kementeriannya akan terpaksa mengkaji dan menimbang masalah-masalah, cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pihak pergerakan itu.

Menyentuh tentang masalah kekurangan guru, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa masalah itu memang sentiasa dikaji oleh kementeriannya, tetapi tidak mungkin untuk diatasi serta merta.

Mengenai masalah politik yang dibincangkan dalam pertemuan itu, Dr. Mahathir menyatakan bahawa kedudukan sekarang sebenarnya adalah berkisar kepada masalah kewangan yang diakibatkan oleh inflasi dan stagflasi.

"Saya telah menerangkan bagaimana masalah kewangan ini boleh diatasi, iaitu, Pemuda UMNO seharusnya berdiri teguh di belakang kerajaan dengan memahami sedalam-dalamnya masalah ekonomi yang dihadapi oleh kerajaan sekarang," katanya.

Beliau juga menganggap cadangan untuk memotong 5% dari gaji pegawai-pegawai kerajaan sebagai wajar dalam keadaan sekarang.

"Gaji para menteri sepatutnya dipotong dahulu supaya menjadi contoh kepada yang lain-lain," katanya.

Ketua Biro Pelajaran Pemuda UMNO, Encik Abdul Aziz Salehuddin, berkata perbincangan itu diadakan kerana pihak Pemuda UMNO merasa dukacita atas proses perimbangan dalam mengeluarkan golongan professional mengikut sistem pelajaran kebangsaan sekarang ini.

Menurutnya, pihaknya terpaksa meminta perhatian kepada Kementerian Pelajaran supaya mengawasi perkara ini kerana jika tidak dibuat demikian akibatnya ialah kelambatan berlaku terhadap niat kerajaan hendak menyatupadukan rakvat.

Beliau menegaskan seluruh golongan mesti berkorban bagi menjayakan hasrat kerajaan ini, terutama sekali dalam usaha membanyakkan dan memberi peluang kepada golongan professional Bumiputera.

Beliau juga menyeru para guru dan pelajar menyedari hakikat kerajaan ini, lebih-lebih lagi mereka yang dari golongan Bumiputera.

Sementara itu, Dato' Harun Idris memberitahu para pemberita bahawa pihaknya amat kesal terhadap tindakan Kerajaan Singapura menghantarkan satu batalion tenteranya 'berlatih' di Brunei ketika rakyat negeri itu sedang berusaha menuntut kemerdekaan.

Dato' Harun, menjelaskan tindakan Kerajaan Singapura itu adalah tidak wajar kerana pejuang-pejuang kemerdekaan Brunei tentu sekali boleh menaruh syak bahawa Kerajaan British sengaja menggalakkan apa yang dikatakan latihan itu.

Menurutnya lagi, tindakan Singapura itu boleh membahayakan kedudukan Malaysia sendiri dalam konteks politik di Asia Tenggara ini.

"Perasaan rakyat Brunei yang menuntut kemerdekaan dari British sekarang ini haruslah dihormati oleh pihak Singapura," tegasnya.

Beliau menegaskan Pemuda UMNO menyokong penuh resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu yang mahu kan Parti Rakyat Brunei, Sultan Brunei dan British membincangkan tentang kemerdekaan Brunei.